



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PENANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

**DI ANTARA AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM
DAN JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PERDANA MENTERI
PADA 11 REJAB 1436 BERSAMAAN TO 30 APRIL 2015**

DAN

**DI ANTARA AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM
DAN DST COMMUNICATION SENDIRIAN BERHAD
PADA 16 REJAB 1436 BERSAMAAN TO 5 MEI 2015**

BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM

-
1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), baru-baru ini, telah menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) berasingan dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri (JPE) dan DST Communication Sendirian Berhad (DST).
 2. Majlis Penandatanganan MoU di antara AMBD dan JPE telah diadakan pada 11 Rejab 1436 bersamaan dengan 30 April 2015 di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Pihak AMBD telah diwakili oleh Dayang Hajah Lily Binti Haji Kula, Pemangku Pengarah Urusan, manakala Pengiran Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra menandatangani bagi pihak JPE.
 3. Dalam majlis penandatanganan yang berasingan, satu MoU juga telah ditandatangani di antara AMBD dan DST pada 16 Rejab 1436 bersamaan dengan 5 Mei 2015, di Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Menandatangani bagi pihak AMBD ialah Awang Yusof bin Haji Abd Rahman, Pengarah Urusan, manakala pihak DST telah diwakili oleh Awang Suhaimi bin Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif.
 4. Objektif kedua-dua MoU ini adalah bagi memperluaskan lagi liputan data yang dikumpul oleh Biro Kredit dengan memuatkan maklumat kredit daripada pembekal-pembekal utiliti seperti bekalan elektrik dan telekom. Dengan adanya maklumat alternatif kredit ini ianya akan meningkatkan fungsi pengurusan risiko kredit bagi ahli-ahli Biro Kredit, dan pada masa yang sama ia akan menggalakkan lagi pelanggan utiliti ini untuk menyemai sikap pembayaran yang baik ke arah budaya kredit yang sihat.
 5. Biro Kredit telah beroperasi sejak 10 September 2012 dan adalah sebuah unit di bawah Jabatan Regulatori dan Penyeliaan AMBD. Semua bank-bank, syarikat-syarikat kewangan dan tabung amanah Islam yang berlesen di Brunei adalah ahli kepada Biro Kredit. Antara tugas dan tanggungjawab Biro

Kredit adalah untuk mengumpul dan menyatukan maklumat fakta kredit peminjam individu dan entiti komersial dari ahli-ahlinya, yang mana maklumat kredit berkenaan disediakan dalam bentuk laporan kredit kepada ahli-ahlinya. Di samping itu, peminjam juga boleh melihat laporan kredit mereka sendiri bagi tujuan penyemakan. Laporan atau *Self-Inquiry Report (SIR)* tersebut boleh diperolehi di Pejabat Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit di Unit 1 Tingkat Bawah, Dar Takaful IBB Utama, Bandar Seri Begawan.

6. Bagi maklumat lanjut mengenai Biro Kredit, sila layari laman sesawang <http://www.ambd.gov.bn/birokredit> atau hantarkan emel kepada birokredit@ambd.gov.bn

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 20 Rejab 1436 / 9 Mei 2015

Rujukan: AMBD/COMM/3
AMBD/CB/PRO/8